



KENYATAAN MEDIA

AKTIVITI DI PUSAT MEMBELI BELAH AMPANG PARK BUKAN DARI PROJEK MRT

Kuala Lumpur, 23 Januari 2018: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin merujuk kepada laporan-laporan yang timbul di media sosial berkenaan aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan di Pusat Membeli Belah Ampang Park.

MRT Corp ingin menyatakan aktiviti-aktiviti tersebut, termasuk pelucutan dan penanggalan lekapan dan lengkapan dan kerja-kerja lain, TIDAK dijalankan oleh MRT Corp atau kontraktornya.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah berkata walaupun MRT Corp akan mengambil Pusat Membeli Belah Ampang Park bagi pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP), proses mengambil balik tanah masih sedang berjalan dan belum lagi selesai.

"Memandangkan proses pengambilan tanah masih lagi belum selesai, MRT Corp tidak mempunyai hakmilik ke atas Ampang Park. Kami tidak dapat mengawal apa yang sedang berlaku kepada bangunan mahupun aktiviti yang sedang berlaku di dalam bangunan," katanya.

Walau bagaimanapun, Najmuddin berkata pelucutan lekapan dan lengkapan tidak sepatutnya berlaku kerana proses pengambilan tanah telah menentukan kuantum pampasan kepada pemilik, termasuk semua lekapan dan lengkapan di dalam bangunan.

"MRT Corp telah membuat laporan polis pada 3 Januari 2018 kerana kami percaya aktiviti-aktiviti ini tidak sepatutnya berlaku. Kami juga mengambil berat bahawa apa yang berlaku boleh membahayakan orang ramai," katanya.

Najmuddin menggesa agar pihak berkuasa yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang sepatutnya untuk menghentikan aktiviti-aktiviti ini daripada berlanjutan. MRT Corp sedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa sekiranya perlu.

Beliau turut menambah MRT Corp hanya boleh mengambil alih dan mengawal bangunan sepenuhnya selepas proses pengambilan tanah oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian selesai.



Tanah di mana terletaknya Pusat Membeli Belah Ampang Park akan diambil untuk membolehkan pembinaan terowong dan sebuah stesen bawah tanah MRT untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Stesen tersebut, yang kini diberi nama sementara Stesen Ampang Park, akan menjadi satu-satunya stesen di mana penumpang boleh bertukar dengan mudah antara MRT Laluan SSP dan LRT Laluan Kelana Jaya.

Laluan SSP dijangka akan memberi perkhidmatan harian kepada 529,000 penumpang apabila siap. Fasa Pertama laluan antara Sungai Buloh dan Kampung Batu dijangka siap pada suku kedua tahun 2021 dan laluan keseluruhan dijangka mula beroperasi pada suku kedua tahun 2022.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

*Encik Leong Shen-Li
MRT Corp*

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

*Cik Amalina Ghazali
MRT Corp*

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my